

28/03/2004

Terus khidmat seperti dulu

Khairul Bahri Basarudin; Ahmad Ghazali Musa  
PILIHAN raya umum minggu lalu menyaksikan kembalinya Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Shahrir Samad sebagai Ahli Parlimen. Beliau memenangi kerusi Parlimen Johor Bahru dengan memperoleh majoriti terbesar iaitu 46,792 undi. Kali terakhir beliau bertanding ialah pada 1988 sebagai calon Bebas, menewaskan Mas'ud Abdul Rahman dari Barisan Nasional. Shahrir pernah menjadi menteri termuda (berusia 29 tahun) dalam Kabinet apabila dilantik Menteri Wilayah Persekutuan pada 2 Jun 1983 sebelum berpindah ke Kementerian Kebajikan Masyarakat sehingga 1986. Ketua Biro Eksekutif Berita Harian Johor Bahru, KHIRUL BAHRI BASARUDIN dan wartawan AHMAD GHAZALI MUSA menemui Shahrir kelmarin bagi melihat pandangannya terhadap kemenangannya itu serta tugas wakil rakyat, juga sikap masyarakat terhadap Umno dan BN.

TAHNIAH kerana menang pada pilihan raya lalu. Selepas 14 tahun, Datuk dipilih semula sebagai Ahli Parlimen Johor Bahru. Apakah perasaan Datuk?

Sebenarnya, saya tak berasa ada perbezaan kerana selama saya tidak menjadi Ahli Parlimen, saya tetap tumpukan kepada kerja parti dan hanya tak terbabit dalam urusan kerajaan kecuali timbul isu besar yang memerlukan sokongan daripada parti dan juga pandangan parti.

Umpamanya, apabila timbul isu pemindahan penduduk Rumah Pangsa Lumba Kuda yang memerlukan kelulusan dan sokongan pusat, sebagai ketua parti di Johor Bahru mempelopori usaha membantu mencari penyelesaian. Bagaimanapun, dalam masa 14 tahun saya terus aktif dalam parti, bantu wakil rakyat dalam urusan mereka.

Datuk menang undi terbesar iaitu lebih 46,000 undi pada pilihan raya umum lalu. Apakah faktor utama pengundi Johor Bahru memberi kemenangan besar kepada Datuk dan Barisan Nasional (BN)?

Pertama ialah faktor Pak Lah yang berjaya mengembalikan imej Umno yang sebenarnya. Kata orang putih, 'the real Umno'. Maknanya Umno sebenarnya bukan Umno baru atau lama. Tetapi Umno sebenarnya iaitu parti yang mementingkan soal masalah dan kehendak rakyat terhadap sebuah kerajaan yang bersih cekap dan amanah. Konsep itu dapat dilihat dalam masa tiga empat bulan Pak Lah jadi Perdana Menteri. Saya berasa, kemenangan besar ini sebahagian besarnya daripada imej Pak Lah dan juga sokongan rakyat jelata kepada Pak Lah.

Faktor Pak Lah memang memberi kesan. Selagi ada Pak Lah imej baik ini akan memenangkan BN. Tetapi kalau Pak Lah tiada faktor itu sudah tiada, adakah BN masih lagi kuat ketika itu?

Ia bergantung kepada lima tahun akan datang sama ada pemimpin Umno dapat menyesuaikan cara mereka untuk bersama dengan Pak Lah dalam membentuk sebuah budaya politik yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat. Jadi, kalau dalam tempoh lima tahun pemimpin Umno dan BN boleh mengubah diri dengan menunjukkan sikap yang sama seperti mana yang Pak Lah tunjukkan, saya rasa peninggalan Pak Lah itu boleh diteruskan. Jadi ia bergantung kepada pemimpin Umno dan kerajaan, pemimpin parti pemerintah dan wakil rakyat yang menunjukkan sikap yang sama dengan perjuangan yang digariskan Pak Lah sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri.

Selepas 14 tahun, apa pandangan Datuk mengenai cita rasa pengundi pada masa dulu dan kini. Apakah sebenarnya yang rakyat mahukan daripada wakil rakyat?

Saya dapati mereka boleh terima imej saya berasaskan kepada prestasi saya dulu. Bukan mereka mengharap sesuatu yang baru. Tetapi hanya untuk

saya teruskan khidmat saya seperti dulu. Pada pandangan saya, pokoknya dalam soal politik kita kena jelas dilihat sebagai sanggup berkhidmat dan sanggup berkorban tanpa melihat politik itu sebagai tempat kita mencari rezeki atau pun untuk menyara hidup. Yang mereka lihat kepada saya bukan kerana saya sudah berubah atau berlaku perubahan pada diri saya, pada masa akan datang, tetapi berdasarkan kepada prestasi lama dan juga imej saya yang lama. Jadi, saya berasa, saya tak nampak perbezaan dari segi nilai seperti ini kerana itu juga yang masyarakat mahu. Kalau bandingkan 14 tahun lalu, komputer tak ada umpamanya, bukan mereka melihat saya ini perlu tahu guna komputer atau mempunyai teknologi baru, tetapi mereka melihat kepada rekod khidmat saya pada masa lalu.

Di Johor Bahru sendiri daripada maklum balas, apakah pengundi merungut di kawasan ini?

Keperluan Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya ialah, ia masih lagi berdepan masalah kemiskinan, perumahan, perkhidmatan yang cekap daripada pihak berkuasa tempatan (PBT). Jadi saya lihat, isu ini perlu diselesaikan sebaik mungkin. Sebagai contoh, perumahan kenalah diteruskan, apakah sudah bermula pembangunan semula kawasan setinggan dengan memberi rumah selesa untuk masyarakat setinggan dan golongan berpendapatan rendah dan masalah perniagaan kecil-kecilan.

Masalah itu masih ada dan perlu mendapat perhatian daripada pemerintah. Berhubung perkhidmatan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) ia harus ditingkatkan mengikut keadaan Johor Bahru sebagai bandar raya moden. Jadi perkara ini bukan baru, malahan selama ini jadi pemasalahan yang ditimbulkan dari semasa ke semasa. Ia sebenarnya berpusat kepada mutu hidup dalam suasana bandar raya dan ia harus menjadi perkara yang mendapat perhatian wakil rakyat seperti saya ini.

Apa formula untuk teruskan sokongan akar umbi dan diberi sokongan dalam perhimpunan agung lalu?

Saya tetap berpegang kepada prinsip bahawa Umno satu parti demokrasi. Sebenarnya, keadilan, demokrasi dan perkhidmatan yang baik serta hubungan baik antara pemerintah dan rakyat adalah isu yang sudah diperjuangkan oleh Umno dari sejak usahanya capai kemerdekaan. Perkara ini masih relevan, ia tidak luput, walaupun kita sudah menjadi negara moden. Kesemua ini pada saya, harus dibawa ke dalam Umno sebagai sebuah Parlimen orang Melayu. Apabila saya tak mempunyai sebarang kepentingan dan menyuarakan pendapat secara yang terbuka bagi membawa pandangan masyarakat luar dan ramai. Sebab itu, seseorang ahli politik menjadi relevan.

Tapi kalau ahli politik hanya mengejar jawatan atau melihat perlunya ada kedudukan sebagai matlamat dalam politik, maka saya rasa orang tidak akan menghormati ahli politik sedemikian. Umno sudah menjadi parti pemerintah yang terlalu lama, mungkin sebahagian kita berasa perjuangan dalam Umno atau dalam sebuah parti politik memperjuangkan untuk dapat jawatan.

Kalau itu jadi perjuangannya, maka tak bermakna untuk pembabitan secara lebih meluas di kalangan ahli Umno bahawa hanya mereka berjawatan saja yang dianggap penting dalam politik. Bagi saya, tanpa jawatan kita boleh berkhidmat dan menyumbang kepada parti, saya rasa akhirnya ia dibuktikan dengan sokongan kepada pertandingan saya.

Apabila saya bertanding Majlis Tertinggi (MT) dan dipilih sebagai calon pada pilihan raya. Soal khidmat dan kredibiliti tetap menjadi relevan kesanggupan tidak meletakkan jawatan sebagai matlamat yang penting dengan perjuangan kita menjadi relevan. Masih lagi ada ruang untuk pemimpin dan ahli bergiat dalam parti tanpa fikir untuk dapat jawatan. Masa saya tak pegang jawatan dan minat kepada tanggungjawab parti kepada masyarakat menghidupkan Umno dan Umno Johor Bahru tidak sunyi dari segi kegiatan menguntungkan masyarakat.

Apakah perasaan Datuk tidak diberi jawatan dalam kabinet?

Bagi saya, saya bercakap kalau saya jadi Ahli Parlimen biasa pun tiada masalah. Kalau dulu saya aktif dalam parti bukan kerana jawatan sebagai wakil rakyat. Sekarang pun saya masih boleh berada dalam kerajaan sebagai Ahli Parlimen biasa. Saya tak pernah fikirkan bahawa jawatan itu penting dan bukan sebenarnya matlamat perjuangan saya.

Pada era Tun Dr Mahathir Mohamad (Bekas Perdana Menteri), Datuk kelihatan lebih lantang. Adakah Datuk akan terus bertindak demikian?

Bagi saya, saya bercakap kalau saya jadi Ahli Kalau ada yang tak betul, saya akan tegur, itu memang tanggungjawab seorang ahli politik... kita kena tegur. Kalau saya Ahli Parlimen biasa saya perlu guna saluran yang ada. Kalau ia pada peringkat Dewan Rakyat, dialog dan melalui media ia mengikut keadaan. Kedudukan sebagai Ahli Parlimen membolehkan saya terus memainkan peranan itu kerana untuk mencapai keadaan yang dikehendaki Pak Lah di mana rakyat melihat bahawa setiap Ahli Parlimen bergiat dan cergas. Jadi suara itu mesti kedengaran. Ia mesti ikut saluran tertentu atau dalam forum tertentu. Umpamanya, saya ahli MT, saya buat kenyataan dalam akhbar sebagai pemimpin parti dan mesyuarat MT.

Datuk ketika jadi wakil rakyat pada usia muda iaitu 29 tahun, tahun ini ramai muka baru daripada golongan muda. Apakah nasihat Datuk kepada orang muda supaya mereka dapat bekerja lebih berkesan untuk rakyat?

Saya rasa yang penting, yang bermula jadi wakil rakyat dan pemimpin, dia kena cepat tua, matang, tak boleh berfoya-foya kerana apabila sudah naik jadi pemimpin, kita dah kena berdamping dengan yang tua, sebaya, jangan pula terlalu bersikap muda. Kalau bersikap muda, kita hanya bertumpu kepada masalah orang muda semata-mata. Tabiat orang muda ini akan menyulitkan kita dalam memberikan perkhidmatan berkesan sebagai wakil rakyat. Jadi yang muda saya rasa mesti sedia untuk dapat tunjuk ajar daripada yang tua, dan mestilah tunjukkan dia cekap dan boleh diterima semua lapisan masyarakat. Yang penting bukan soal muda dan tua kita berjaya kerana kita ini mempunyai mutu bekerja kuat cekap dan berkesan sebagai wakil rakyat. Saya tak rasa sebagai wakil rakyat, ketika itu saya berjaya kerana saya muda atau dikenali sebagai yang termuda. Tetapi saya lebih hendak dikenali sebagai seorang yang cekap dan berkesan dalam melaksanakan tanggungjawab saya. Jadi kalau kita hendak terkenal sebagai orang muda, itu pun hanya keadaan sementara. Jadi haruslah wakil rakyat muda membuktikan mereka terkenal sebagai wakil rakyat yang baik atau wakil rakyat yang muda.

Adakah Datuk memikirkan soal persaraan dalam politik?

Saya sebenarnya hendak bersara. Hujung tahun ini usia saya masuk 55 tahun. Kita semua perlu ambil sikap bahawa apa pun jawatan atau kedudukan kita mahu pun hidup kita ia semuanya sementara. Dalam keadaan itu kita harus melakukan sebanyak mungkin kebaikan yang boleh kerana jika kita fikirkan ia adalah untuk selama-lamanya, mungkin kita akan lupa diri. Saya rasa inilah sebenarnya antara falsafah yang saya pegang kuat apa juga kedudukan saya. Ia adalah sementara, apabila kita anggap sebagai sementara kita akan berusaha lakukan seberapa banyak kebaikan yang boleh, dalam politik saya rasa kita berpeluang untuk buat baik. Untuk kita beramal jariah dan ini satunya kelebihan dalam karier politik saya.

Dalam masa saya memegang jawatan bahawa ia membolehkan kita lakukan kebaikan, sebagai manusia biasa saya rasa kita harus menggunakan peluang yang ada sementara kita pegang jawatan untuk melakukan lebih kebaikan. Saya melihat ia sebagai sesuatu yang sementara. Kalau saya perlu bersara ia tak jadi masalah. Jawatan dan kedudukan itu bagi saya bukan sesuatu yang kekal. Sebab itu bagi saya, kalau tak ada jawatan itu tak ada hal. Lepas saya tak jadi Ahli Parlimen, saya akan kembali kepada keadaan asal, sebagai Ketua Bahagian dan juga saya perlu bersara, kalau orang tak mahu. Yang mustahak masa kita ada peluang buat baik, kita lakukan dengan sebaik

dan sebanyak mungkin.